



**MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA**  
**BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT**  
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,  
PANDAN INDAH, SELANGOR,  
55100 KUALA LUMPUR

**KERATAN AKHBAR**  
**20 DISEMBER 2017 (RABU)**

**AKHBAR**

**MUKA SURAT**

**Berita Harian**

- Pusat beli-belah Ampang Park bakal tinggal kenangan

12-13



**MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA**  
**BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT**  
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,  
PANDAN INDAH, SELANGOR,  
55100 KUALA LUMPUR

## KERATAN AKHBAR 20 DISEMBER 2017 (RABU)

|              |                                                     |
|--------------|-----------------------------------------------------|
| Akhbar       | Berita Harian                                       |
| Tajuk Berita | Pusat beli-belah Ampang Park bakal tinggal kenangan |
| Muka Surat   | 12-13                                               |

Ms.12 Rabu, 20 Disember 2017 BH

# → IMBASAN

**Reaksi**



Ampang Park sudah menjadi rumah 'kedua' saya, di sini menjadi tempat sekeluarga meluangkan masa beli-belah, terkilan selepas mendengar ia akan dirobohkan"

**Yasmin Abdullah,**  
Pengunjung



Saya suka datang Ampang Park, tidak sesak dan banyak pilihan barangan. Apa yang diharapkan peniaga dapat ditempatkan di satu lokasi khusus sekitar Kuala Lumpur bagi membolehkan pengunjung terus membeli pakaian pada harga berpatutan"

**Rizal Zain,**  
Pengunjung



Suasana sekitar pusat beli-belah Ampang Park yang dirakam pada 1988



Pusat beli-belah Ampang Park akan dirobohkan untuk memberi laluan projek pembinaan Stesen MRT Ampang Park.

## Pusat beli-belah Ampang Park bakal tinggal kenangan

**Oleh Mohd Iskandar Ibrahim dan Faris Fuad**  
bhnews@bh.com.my

► Kuala Lumpur

**M**asih terpacut dalam ingatan, kejutan yang dibawakan Allahyarham Datuk Sudirman Arshad 'terbang dan terapung' ketika membuat persembahan sempena ulang tahun ke-10 pusat beli-belah Ampang Park pada 1983.

Bagi Dr Dzulkhaini Hussain, 74, persembahan penghibur nombor satu Asia itu adalah nostalgia yang begitu dekat di hati peniaga dan pengunjung pusat beli-belah berkenaan sehingga menjadi simbolik kemegahan Ampang Park ketika itu.

Namun, Ampang Park bakal hanya tinggal nama apabila pusat beli-belah terawal yang beroperasi sepenuhnya pada Mac 1973 bakal dirobohkan hujung bulan ini bagi memberi laluan kepada pembinaan Stesen Mass Rapid Transit (MRT).

"Ampang Park adalah pusat beli-belah pertama di Malaysia dan menjadi lokasi tumpuan pengunjung dari seluruh negara termasuk dari Singapura untuk mendapatkan pelbagai barangan keperluan harian dan pakaian.

**Sejarah bergerak**

"Pusat beli-belah ini ibarat sejarah bergerak dan pernah menjadi lokasi persembahan Allahyarham Sudirman yang dihadiri ribuan peminat ketika itu.

"Saya masih ingat gimik persembahan Allahyarham Sudirman yang turun dari tingkat tiga bangunan menggunakan tali khas seolah-olah sedang terbang," katanya kepada BH, semalam.

Dr Dzulkhaini yang membuka klinik pergigian dan ortodontik di pusat beli-belah itu sejak 1979, berkata Ampang Park turut menjadi lokasi beli-belah keluarga Perdana Menteri kedua, Allahyarham Tun Abdul Razak ketika era kepemimpinannya.

Katanya, Ampang Park menjadi pusat sehenti bagi kelengkapan pe-

rayaan seperti baju kurung, jubah, tudung dan baju Melayu tanpa perlu berjalan jauh dan berpanas seperti di Jalan Masjid India atau Jalan Tuanku Abdul Rahman (TAR).

"Di sini, macam-macam boleh beli, banyak pilihan tempat makan dan minum, malah harga ditawarkan amat berpatutan berbanding pusat beli-belah lain. Sepanjang klinik saya beroperasi, tiada kejadian buruk atau jenayah berlaku di sini," katanya yang akan menutup kliniknya di Ampang Park pada 31 Disember.

**Mercu tanda Malaysia**

Pemilik butik pakaian, Wan Kamal Izzuddin Wan Kassim, 43, berkata pusat beli-belah itu menjadi mercu tanda dan maksud sebenar Malaysia kerana peniagaannya yang terdiri daripada pelbagai kaum.

"Kemeriahan Ampang Park bakal berikhtisab begitu saja. Lebih menyedihkan apabila mengenangkan nasib peniaga yang terpaksa berpindah mencari lokasi baru bagi menjalankan perniagaan mereka. Kami




## →IMBASAN



**Zettira Ezzette Farhana,**  
Pengunjung.

la sepatutnya dijadikan bangunan sejarah dan mercu tanda untuk generasi muda mengingati bahawa ini antara pusat beli-belah pertama dibina di Kuala Lumpur yang dahulunya turut dijadikan pusat hiburan keluarga ketika hujung minggu"

[FOTO ZUNNUR AL SHAFIQ/BH]



Suasana pusat beli belah Ampang Park yang dirakam pada 1987.

diberi tempoh sehingga 31 Disember ini oleh pihak pengurusan untuk berpindah.

### Timbul persoalan

"Yang menjadi persoalan kami, apa sebenarnya akan berlaku ke atas tapak Ampang Park selepas ia dirobohkan kerana difahamkan, stesen MRT yang akan dibina adalah stesen bawah tanah," katanya.

Sementara itu, pelancong Singapura, Hasnah Othman, 47, berkata dia bersama suami, Suhaimi Abdul Ghani, 53, setiap tahun akan berkunjung ke Ampang Park bagi membeli pakaian terutama menjelang musim perayaan.

"Ampang Park ibarat 'syurga pakaian' kerana banyak kelengkapan dijual dengan harga yang sangat berpatutan dan mengikut trend semasa.

"Walaupun saya menetap di Singapura, sekurang-kurangnya setahun sekali saya akan datang Ampang Park untuk membeli pakaian, selepas ini tidak tahu ke mana (mahu beli pakaian)," katanya.



## Pusat beli-belah pertama perkenal eskalator

**Kuala Lumpur:** Ampang Park, pusat beli-belah pertama di negara ini yang beroperasi sejak 44 tahun lalu, bakal dirobohkan bagi memberi laluan kepada pembinaan Stesen Mass Rapid Transit (MRT) Ampang Park iaitu stesen bawah tanah.

Pusat beli-belah itu yang beroperasi pada 15 Mac 1973 diilhamkan oleh empat beradik, Tan Sri Low Keng Seng, Tan Sri Low Keng Huat, Low Keng Boon dan Low Keng Hoo yang mempunyai impian untuk membina sebuah pusat sehenti berkonsepkan moden, hiburan serta keluarga.

Ampang Park juga adalah pusat beli-belah pertama yang memperkenalkan eskalator; selain menjual barangan keperluan harian seiring dengan kehendak semasa.

### Pelbagai fasa perubahan

Sejak pembinaannya, Ampang Park sudah melalui pelbagai fasa perubahan termasuk menganjurkan banyak acara seperti pertandingan ratu cantik, pameran kereta klasik malah menjadi lokasi pelancaran album artis terkenal tempatan.

Dagimanapun, pada 14 Oktober

2015, pengunjung dan peniaga dikejutkan dengan berita pusat beli-belah berkenaan akan dirobohkan bagi membina stesen MRT yang berintergrasi secara fizikal dengan Stesen Transit Aliran Ringan (LRT) Ampang Park sedia ada.


### Kerajaan ambil alih lokasi

Berikutan itu, tapak pusat beli-belah Ampang Park diambil alih oleh kerajaan mengikut Akta Pengambilan Tanah 1960 dan bangunan yang berada di atas tanah itu perlu diroboh untuk pembinaan stesen itu.

Proses pengambilan tanah dijalankan oleh Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian (JKPTG) dan senarai lot tanah berkenaan akan diwartakan serta disiaran mengikut Seksyen 8 Akta Pengambilan Tanah 1960.

MRT Laluan Sungai Buloh-Serdang-Putrajaya (SSP) melalui Ampang Park adalah projek kedua Projek MRT Lembah Klang memabatkan laluan sepanjang 52.2 kilometer dari Sungai Buloh ke Putrajaya.

Kerja pembinaan sudah bermula pada suku kedua tahun lalu dan dijangka beroperasi dalam suku kedua 2022.



Tinjauan suasana perniagaan di pusat membeli-belah Ampang Park yang akan dirobohkan hujung bulan ini.